A

PP

lwn.

NACHIEMUTU SUBRAMANIAM

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
AZAHAR MOHAMED H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-19-2003 (4)]
28 OKTOBER 2006

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman - Kesetimpalan - Kanun Keseksaan, s. 326 - Menyebabkan kecederaan parah terhadap mangsa - Sama ada satu kesalahan serius di mana hukuman maksima boleh dikenakan - Faktor-faktor mitigasi - Sama ada diterima oleh mahkamah - Sama ada kes 'worst possible example' - Hukuman penjara lapan*
D *tahun dari tarikh ditangkap - Sama ada hukuman sesuai dan wajar*

Tertuduh dituduh dengan dua pertuduhan iaitu (i) melakukan kesalahan membunuh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan (Kanun tersebut) dibaca bersama dengan s. 34 Kanun yang sama kerana
E telah menyebabkan kematian terhadap Selvarajah Veerapagi dan (ii) melalukan kesalahan di bawah s. 326 Kanun tersebut kerana telah dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah terhadap Ambarasan Nagu (SP3). Berdasarkan prinsip undang-undang yang sudah digariskan dan dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam
F kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85, mahkamah ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal mewujudkan kes *prima facie* dan dengan demikian tertuduh telah dilepaskan dan dibebaskan terhadap pertuduhan pertama. Bagi pertuduhan kedua, keterangan SP3 menunjukkan bahawa perbuatan tertuduhlah
G dengan menggunakan senjata tajam yang menyebabkan dua jari tangan kanannya terputus. Pihak pendakwaan telah berjaya mewujudkan kes *prima facie*. Tertuduh memilih untuk berdiam diri dan tidak memanggil sebarang saksi. Dalam keadaan sedemikian mahkamah mendapati tertuduh bersalah dan mensabitkannya
H terhadap pertuduhan kedua. Dalam rayuan untuk meringankan hukuman, tertuduh telah menyatakan bahawa tertuduh kini telah insaf dan merayu agar diberi satu peluang untuk menjalankan satu penghidupan yang baru. Peguam tertuduh juga menyatakan bahawa tertuduh tidak mempunyai rekod kesalahan yang lampau.
I Timbalan pendakwaraya (TPR) pula telah menekankan bahawa kesalahan di bawah s. 326 Kanun tersebut adalah satu kesalahan

yang serius dan seterusnya meminta mahkamah mengambil kira kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman yang sewajarnya mengikut undang-undang.

Diputuskan:

(1) Kesalahan di bawah s. 326 Kanun tersebut adalah satu kesalahan yang serius di mana hukuman maksima yang boleh dikenakan ke atas tertuduh adalah penjara sehingga 20 tahun dan denda atau sebatan. Akibat perbuatan tertuduh mangsa telah mengalami kecederaan yang parah yang meninggalkan kesan seumur hidup. Dengan yang demikian, tertuduh sewajarnya dihukum di atas kesalahan yang dia telah lakukan. Setelah mendengar rayuan yang dikemukakan oleh peguam tertuduh, mahkamah ini menerima rayuan bahawa tertuduh kini telah benar-benar menyesal serta insaf di atas kesalahan yang telah dia lakukan dan ini adalah satu faktor mitigasi yang diambilkira dalam menjatuhkan hukuman. Memandangkan tertuduh tidak ada rekod kesalahan yang lampau, tertuduh wajar diberi peluang untuk mengharungi penghidupan baru dan oleh yang demikian mahkamah ini tidak fikir hukuman pemenjaraan untuk satu tempoh yang terlalu panjang akan 'induced (tertuduh) to turn from criminal ways into honest living.' Kes ini bukanlah satu 'worst possible example' bagi kesalahan di bawah s. 326 KK. Mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang sesuai dan wajar terhadap tertuduh adalah penjara lapan tahun dari tarikh dia ditangkap. (perenggan 10)

[Perintah seharusnya.]

Kes-kes yang dirujuk:
Abu Bakar Alif v. R [1953] MLJ 19 ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
PP v. MD Rashid Harun [2003] 3 CLJ 832 HC ***(dirujuk)***
Mohamed Jusoh Abdullah & Anor v. PP [1947] MLJ 130 ***(dirujuk)***
New Tuck Shen v. PP [1982] 1 MLJ 27 ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Rex v. Kenneth John Ball [1951] 35 Cr App R 164 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, ss. 302, 326

Bagi pihak tertuduh - M Sathia; T/n M Sathia & Assoc
Bagi pihak PP - Mohd Nordin Ismail

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Azahar Mohamed H:

[1] Tertuduh, Nachiemuthu a/l Subramaniam telah di tuduh dan di bicarakan di hadapan saya dengan dua pertuduhan. Bagi pertuduhan pertama dia dituduh melakukan kesalahan membunuh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan (Kanun tersebut) di baca bersama dengan s. 34 Kanun yang sama kerana telah menyebabkan kematian terhadap Selvarajah a/l Veerapagi pada 13 Januari 2002, jam lebih kurang 9 malam, di No. 24 Jalan Hang Tuah, Taman Skudai Baru, Skudai, Johor. Manakala bagi pertuduhan kedua, dia dituduh pada masa dan di tempat yang sama melakukan kesalahan di bawah s. 326 Kanun tersebut kerana telah dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah terhadap Ambarasan a/l Nagu. Butir-butir kedua-dua pertuduhan adalah seperti yang berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu bersama-sama dengan beberapa orang yang masih bebas pada 13.01.2002, jam lebih kurang antara 9.00 malam di No. 24, Jalan Hang Tuah 26, Taman Skudai Baru, di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, dalam memajukan niat bersama telah melakukan kesalahan bunuh dengan menyebabkan kematian kepada seorang lelaki India bernama Selvarajah a/l Veerapagi, No. Kpt: 730407-01-5189, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 13.01.2002, jam lebih kurang antara 9.00 malam di No. 24, Jalan Hang Tuah 26, Taman Skudai Baru, di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah menyebabkan kecederaan parah terhadap seorang lelaki India bernama Anbarasan a/l Nagu, No. Kpt: 690909-08-5917, dengan

memotong jari mangsa menggunakan parang, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 326 Kanun Keseksaan.

[2] Di penutup kes pendakwaan, saya mendapati bahawa bagi pertuduhan pertama, terdapat percanggahan yang serius keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan sehingga menimbulkan keraguan yang munasabah tentang penglibatan tertuduh. Berdasarkan prinsip undang-undang yang sudah di gariskan dan di jelaskan oleh Mahkamah Persekutuaan dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85, saya memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal mewujudkan kes *prima facie* dan dengan demikian tertuduh telah dilepaskan dan di bebaskan terhadap pertuduhan pertama.

[3] Bagi pertuduhan kedua pula keterangan Anbarasan a/l Nagu (SP3) menunjukan bahawa perbuatan tertuduhlah dengan mengunakan senjata tajam yang menyebabkan dua jari tangan kanannya terputus. Keterangan SP3 di sokong oleh Dr. Baskar a/l Vasuthevan (SP12). Menurut SP12, beliau telah merawat SP3 yang mengalami "total amputation of right 4th and 5th finger, multiple laceration wound over right hand and left forearm and compound grade Illa fracture left ulna". Setelah menimbangkan semua keterangan secara keseluruhannya, saya mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mewujudkan kes *prima facie* dan dengan demikian tertuduh telah di perintahkan di panggil untuk membela diri. Mahkamah kemudiannya telah menerangkan kepada tertuduh tiga pilihan. Pertama, tertuduh boleh memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Kedua, tertuduh boleh memilih memberi satu pernyataan tidak bersumpah daripada kandang. Dan ketiga, tertuduh boleh memilih untuk berdiam diri dan tidak memanggil sebarang saksi dan dalam keadaan, sedemikian sejajar dengan keputusan kes *PP v. Mohd. Radzi bin Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 mahkamah telah memaklumkan kepada tertuduh bahawa seandainya dia mengambil pendirian tersebut, mahkamah akan terus mendapati dia bersalah dan mensabitkan dengan kesalahan tersebut dan seterusnya dia akan di hukum mengikut undang-undang. Pada mulanya tertuduh memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Walau bagaimana pun kemudiannya tertuduh memilih untuk berdiam diri dan tidak memanggil sebarang saksi. Dalam keadaan yang sedemikian mahkamah mendapati tertuduh bersalah dan mensabitkannya terhadap pertuduhan kedua.

[4] Sebelum mahkamah menimbangkan dan menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh bagi pertuduhan kedua, mahkamah telah mendengar penghujahan-penghujahan peguam tertuduh dan juga timbalan pendakwaraya (TPR).

[5] Dalam rayuan untuk meringankan hukuman, peguam tertuduh telah menyatakan bahawa tertuduh kini berumur 34 tahun dan mempunyai keluarga untuk ditanggung. Peguam tertuduh menyatakan bahawa tertuduh telah insaf dan kesal di atas kesalahan yang telah di lakukan dan berjanji tidak akan mengulanginya di masa hadapan. Melalui peguamnya tertuduh merayu agar dia di beri satu peluang untuk menjalankan satu penghidupan yang baru. Peguam juga menyatakan bahawa tertuduh tidak mempunyai rekod kesalahan yang lampau. TPR dalam penghujahannya telah menekankan bahawa kesalahan dibawah s. 326 Kanun tersebut adalah satu kesalahan yang serius dan seterusnya meminta mahkamah mengambil kira kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman yang sewajarnya mengikut undang-undang.

[6] Mahkamah mempunyai budi bicara yang luas untuk menentukan hukuman yang sewajarnya di kenakan terhadap tertuduh. Tidak boleh di pertikaikan lagi bahawa kepentingan awam adalah faktor utama dalam penghukuman untuk memberi satu pengajaran kepada tertuduh dan perlindungan kepada masyarakat sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Rex v. Kenneth John Ball* [1951] 35 Cr App R 164 yang di rujuk oleh Spenser Wilkinson H dalam kes *Abu Bakar bin Alif v. R* [1953] MLJ 19 sapertimana yang berikut:

> In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest lift. *The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the*

> *sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case*. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe. (penekanan oleh saya)

[7] Kepentingan awam menghendaki supaya sesuatu hukuman yang di kenakan bukan sahaja boleh menjadi satu pengajaran kepada tertuduh serta mencegah tertuduh dari melakukan kesalahan yang sama di masa hadapan malahan juga untuk mencegah lain-lain orang dari melakukan kesalahan yang serupa.

[8] Satu aspek kepentingan awam yang perlu juga di beri pertimbangan yang sewajarnya adalah sikap tertuduh dan kesesuaian apa-apa jenis reformasi terhadapnya. Prinsip ini telah di jelaskan oleh Wan Yahya H (seperti beliau pada masa itu) di dalam kes *New Tuck Shen v. PP* [1982] 1 MLJ 27 saperti mana yang berikut di ms 30-31:

> The case of *R v. Ball* 35 Cr App R 164 has been widely canvassed in this court as a means for avoidance of custodial sentence. Unfortunately the sagacious observation of Hilbery J that "public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways into honest living" has been used in more ways than the learned judge could ever imagine. In that case the learned judge was not laying any rules on public interest but was merely observing what public interest would be in relation to the 23 years old offender who had exceptional antecedents and character. Public interest varies according to the time, place and circumstances of each case including its nature and prevalence.
>
> What may be of public interest in one place may differ from another.
>
> Page 31 – Similarly inducement to turn from criminal ways into honest living can take several forms and will have to depend to a greater extent on the attitude of the offender and his suitability for any particular type of reformation.

[9] Sungguhpun kepentingan awam adalah faktor yang paling penting, sudah menjadi prinsip undang-undang yang di terima pakai bahawa mahkamah harus juga tidak mengabaikan rayuan yang di kemukakan oleh tertuduh dalam rayuannya supaya hukuman di ringankan. Berhubungan dengan ini, dalam kes *Mohamed Jusoh bin Abdullah and Anor. v. Public Prosecutor* [1947] MLJ 130 Willan HB berkata:

> In our view no sentence can be assessed by a simple mathematical formula. Many factors must be taken into account according to the circumstances of attention to the matters which should be taken into account in fixing punishments as set our in *Halsbury's Laws of England* (Hailsham Edition) volume 9, para 365:
>
> > The Court, in fixing the punishment for any particular crime, will take into consideration the nature of the offence, the circumstances in which it was committed, the degree of deliberation shown by the offender, the provocation which he has received, if the crime is one of violence, the antecedents of the prisoner up to the time of sentence, his age and character.

[10] Saya bersetuju bahawa kesalahan di bawah s. 326 Kanun tersebut adalah satu kesalahan yang serius di mana hukuman maksima yang boleh dikenakan ke atas tertuduh adalah penjara sehingga 20 tahun dan denda atau sebatan. Akibat perbuatan tertuduh mangsa telah mengalami kecederaan yang parah yang meninggalkan kesan seumur hidup. Dengan yang demikian tertuduh sewajarnya di hukum di atas kesalahan yang dia telah lakukan. Namun demikian, dalam kes di hadapan saya ini, setelah mendengar rayuan yang di kemukakan oleh peguam tertuduh saya menerima rayuan bahawa tertuduh kini telah benar-benar menyesal serta insaf di atas kesalahan yang telah dia lakukan dan ini adalah satu faktor mitigasi yang saya ambil kira dalam menjatuhkan hukuman. Pada hemat saya juga memandangkan tertuduh tidak ada rekod kesalahan yang lampau tertuduh wajar diberi peluang untuk mengharungi penghidupan baru dan oleh yang demikian saya tidak fikir hukuman pemenjaraan untuk satu tempoh yang terlalu panjang akan "induced (tertuduh) to turn from criminal ways into honest living". Pada hemat saya kes ini bukanlah satu "worst possible example" bagi kesalahan di bawah s. 326 KK sebagaimana kes *PP v. MD Rashid Harun* [2003] 3 CLJ 832 yang telah di

bawa keperhatian saya oleh TPR. Walau bagaimana pun ini tidaklah bermakna sama sekali bahawa mahkamah memandang ringan kesalahan yang seumpama ini. Namun demikian ingin di tekankan dalam keadaan kes ini di mana mahkamah mendapati bahawa tertuduh telah insaf mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang sesuai dan wajar terhadap tertuduh ialah penjara lapan tahun dari tarikh dia ditangkap.